

PERUTUSAN GABENOR BANK NEGARA MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Edisi Kedua Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Resolusi Syariah) ini mengandungi semua keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Penerbitan edisi kedua buku ini bertujuan untuk menjadikannya sebagai panduan dan rujukan penting bagi seluruh komuniti kewangan Islam.

Dekad yang baru berlalu jelas menggambarkan era perkembangan kewangan Islam. Sepanjang tempoh tersebut yang bercirikan pengantarabangsaan yang lebih pesat dan pengembangan global yang berterusan, kewangan Islam telah berkembang pesat dan menjadi komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan global. Kewangan Islam telah memudahkan aliran kewangan merentas sempadan dan ini terbukti khususnya menerusi *sukuk* yang lebih dinamik dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa. Pada peringkat antarabangsa, usaha telah dipergiatkan lagi untuk memperkukuh urus tadbir Syariah institusi kewangan Islam di pelbagai negara. Walaupun kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan sewaktu berlakunya krisis kewangan global baru-baru ini, usaha terus dilaksanakan bagi memperkukuh lagi infrastruktur kewangan antarabangsa dan pengawasan pengawalseliaan terhadap kewangan Islam. Ini bagi memastikan kewangan Islam terus berkesan dan berdaya saing dalam persekitaran kewangan antarabangsa yang semakin mencabar.

Sejajar dengan jangkauan antarabangsanya yang semakin meluas, inovasi produk kewangan Islam dan penembusan ke dalam pelbagai pasaran semakin giat dilakukan. Rangkaian produk kewangan Islam kini telah berkembang menjadi spektrum produk pembiayaan runcit dan produk kewangan canggih yang lebih luas, merangkumi produk ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan *sukuk*, serta produk pengurusan harta. Kedinamikan Syariah merupakan faktor penggerak utama yang menggalakkan inovasi kewangan Islam yang lebih pesat. Usaha gigih bagi memenuhi permintaan masyarakat global yang semakin meningkat dan berbeza-beza terhadap produk kewangan Islam kini melangkaui kontrak tradisional seperti *murabahah*, *musyarakah* dan *mudarabah*, kepada struktur Syariah lain yang inovatif dan berkonsepkan hibrid seperti *wakalah bi al-istithmar* dan *musyarakah mutanaqisah*. Ini membuktikan keupayaan para ulama dan penasihat Syariah dalam memanfaatkan kepakaran Syariah mereka dalam membantu penstrukturan ciri-ciri produk yang kompetitif dan inovatif. Kesemua inisiatif ini telah menyumbang kepada perkembangan pesat produk dan perkhidmatan kewangan Islam kontemporari.

MPS sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara berhubung dengan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keputusan-keputusan Syariah yang dibuat adalah berwibawa dan berintegriti. Sebagai pusat rujukan bagi komuniti kewangan Islam, MPS mendukung matlamat (*maqasid*) Syariah dan memelihara kemurniannya menerusi keputusan-keputusan yang terhasil daripada perbincangan yang mendalam dan proses perundangan yang teliti lantas memberikan sumbangan yang besar kepada keberkesanan rangka kerja urus tadbir Syariah di Malaysia. *Resolusi Syariah* ini yang mengandungi resolusi Syariah yang diputuskan antara tahun 1997 hingga tahun 2009, merupakan kesinambungan usaha-usaha yang dilaksanakan sebelum ini dalam memperdalam pemahaman berhubung dengan tafsiran Syariah dan pertimbangan perundangan fiqah bagi keputusan-keputusan tersebut. Bersama-sama dengan usaha yang berterusan untuk menghasilkan *Rujukan Parameter Syariah*, *Resolusi Syariah* ini merupakan sebahagian daripada komitmen Bank Negara Malaysia untuk membangunkan industri ini. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan tahap ketelusan berhubung dengan pertimbangan perundangan fiqah dalam kewangan Islam, yang seterusnya akan meningkatkan kesedaran dan penerimaan terhadap keputusan-keputusan Syariah. Ia juga akan menjadikan urus tadbir Syariah lebih cekap di peringkat institusi di samping menjadi pemangkin bagi pengharmonian pentafsiran dan aplikasi Syariah merentas sempadan yang lebih luas.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini, terutamanya ahli-ahli MPS, yang menerusi kepakaran dan pengalaman luas serta dedikasi yang tinggi, telah dapat memberikan sumbangan yang penting lagi bermakna kepada perkembangan dan kemajuan kewangan Islam.



Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
Bank Negara Malaysia